

## Persepsi dan Pengalaman Guru Pendidikan Khas dalam Menghadapi Permasalahan Disleksia dalam Kemahiran Literasi

Liyana Binti Ahmad Afip  
[liyana.a@umk.edu.my](mailto:liyana.a@umk.edu.my)

Nurul Fatimah Binti Hanapi  
[fatimah@umk.edu.my](mailto:fatimah@umk.edu.my)

Khuzaiton Binti Zakaria  
[khuzaiton@umk.edu.my](mailto:khuzaiton@umk.edu.my)

Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah  
Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

### Abstrak

Disleksia ialah satu perkataan yang berasal daripada dua gabungan perkataan Yunani iaitu “*Dyn*” dan “*Lexia*” yang bermaksud kesukaran dalam kemahiran menulis. Disleksia bukanlah satu penyakit tetapi merupakan gangguan dalaman yang berlaku kepada seseorang individu yang disebabkan oleh faktor-faktor tertentu seperti faktor genetik dan faktor biologi. Individu yang mempunyai disleksia tidak memerlukan rawatan ubat-ubatan akan tetapi mereka memerlukan kaedah-kaedah tertentu bagi menangani gangguan permasalahan ini. Terdapat banyak kajian yang telah dijalankan terhadap pelajar yang mempunyai masalah dalam kemahiran literasi yang meliputi empat kemahiran yang dikenali sebagai 4 M iaitu, membaca, menulis, mengeja dan mengira bagi mencari kaedah-kaedah yang berkesan untuk diaplikasikan oleh para guru. Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti persepsi dan pengalaman guru pendidikan khas di sebuah Sekolah Menengah Kebangsaan di daerah Jeli terhadap masalah disleksia dalam kalangan pelajar. Kajian ini berdasarkan soal selidik yang dijalankan ke atas tenaga pengajar di sekolah tersebut. Hasil dapatan kajian ini diharap dapat membantu para guru untuk mengenal pasti pelajar yang mempunyai masalah disleksia.

**Kata Kunci:** persepsi, pengalaman dan kaedah pengajaran, disleksia, kelas pendidikan khas, kemahiran literasi

## PENDAHULUAN

Disleksia merupakan gangguan yang biasanya dialami oleh kanak-kanak dalam pembelajaran. Antara masalah-masalah atau gangguan yang dihadapi oleh kanak-kanak disleksia ialah kesukaran dalam menguasai kemahiran 4 M iaitu membaca, menulis, mengeja dan mengira. Sebagaimana yang kita maklum, sebenarnya perkataan “ Disleksia” itu berasal daripada 2 perkataan Yunani iaitu “ dyn” bermaksud *susah* atau *sulit dalam..* dan “ Lexia” bermaksud *tulisan* (<http://ms.wikipedia.org/wiki/Disleksia>). Adapun menurut Persatuan Disleksia Antarabangsa, disleksia merujuk kepada aspek kesukaran membaca. Hal ini berpunca daripada kegagalan untuk menterjemahkan dengan betul lambang bertulis sama ada dalam huruf itu sendiri, dalam suku kata ataupun dalam perkataan. Mengikut kajian yang dijalankan individu yang menghadapi masalah disleksia mempunyai fikiran multidimensi, iaitu mempunyai intuisi yang kuat dan kreatif dalam menyelesaikan masalah. Banyak individu disleksia yang telah berjaya mencipta nama dalam sejarah dunia, antaranya ialah Albert Einstein, Henry Ford, Walt Disney dan Leonardo Da Vinci.

Menurut kajian yang dijalankan oleh Mercer (1997), Hammond dan Hughes (1996), serta Spaafford dan Grosser (1996) terdapat dua faktor yang menyumbangkan kepada permasalahan gangguan ini, antaranya ialah faktor genetik atau keturunan dan faktor biologi. Kajian telah membuktikan bahawa disleksia disebabkan oleh kromosom 1, 15 dan 16 yang boleh diwarisi secara turun-temurun. Dalam kebanyakan kes, didapati ada ahli keluarga mengalami masalah yang sama, cuma yang membezakan mereka hanyalah tahap keseriusannya. Manakala faktor biologi ialah faktor luaran yang berpunca daripada kelahiran pramatang atau kelahiran bayi tidak cukup bulan, kekurangan oksigen semasa lahir dan juga komplikasi semasa kelahiran. Kerosakan pada otak semasa proses kelahiran juga salah satu pendorong kepada masalah dan gangguan kanak-kanak dalam proses pembelajaran (Anida Abu Bakar , 2008).

Sebenarnya, kanak-kanak yang menghadapi masalah ini mempunyai tahap kecerdasan yang normal dan tidak mempunyai masalah pendengaran serta penglihatan. Mereka juga bukannya tergolong dalam golongan yang lembab dan bodoh. Masalah ini dapat diatasi sekiranya para ibu bapa dan para guru dapat mengenal pasti gangguan ini.

Di Malaysia, kanak-kanak yang telah disahkan disleksia boleh mendaftar sebagai orang kelainan upaya (OKU). Mereka mempunyai kad OKU daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan memperoleh bantuan RM150 pada setiap sebulan daripada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) kerana mengikuti kelas pemulihan di bawah seliaannya.

Antara ciri-ciri jelas bagi kanak-kanak yang mengalami masalah disleksia ialah lambat membaca dan mempunyai tulisan tangan yang buruk, ketika membaca, sering mengurang dan menambah pada sesuatu perkataan, sering keliru dengan sesuatu perkataan pada huruf-huruf tertentu contohnya 'b' dianggap 'd' dan 'p' dianggap 'q', perhatian mudah terganggu atau gagal untuk menghabiskan sesuatu kerja hingga habis, cenderung menjadi seorang yang impulsif atau sering mengikut perasaan sendiri tanpa memikirkan orang lain. Disleksia sering berlaku dalam kalangan lelaki, kerap berlaku dalam kalangan pasangan kembar, kanak-kanak yang lahir tidak cukup bulan, anak-anak yang lahir daripada ibu yang sudah berumur, dan kanak-kanak yang pernah mengalami kecederaan pada kepala.

### **OBJEKTIF KAJIAN**

Tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk mengetahui persepsi dan pengalaman guru yang mengajar di kelas pendidikan khas bersama pelajar yang mempunyai masalah pembelajaran spesifik (disleksia).

Secara khususnya kajian ini akan menyiasat perkara yang berikut: 1) Kelayakan guru, 2) Pengalaman mengajar di kelas pendidikan khas, 3) Kefahaman mengenai istilah disleksia dan ciri-ciri pelajar disleksia, 4) Pengalaman mengajar pelajar disleksia, 5) Kaedah yang digunakan bagi mengajar pelajar disleksia.

## **KEPENTINGAN KAJIAN**

Walaupun kajian ini dijalankan dalam skala yang kecil, namun kajian ini amat penting bagi para pendidik di Jabatan Pendidikan khas untuk mengetahui realiti sebenar tentang apa yang berlaku dalam Kelas Pendidikan Khas. Kajian ini juga dapat memberi penekanan tentang kemampuan pelajar disleksia untuk keluar dari kelompok pelajar-pelajar yang menghadapi masalah pembelajaran yang lebih serius.

Kajian ini juga penting untuk pihak berwajib yang bertanggungjawab terhadap pelajar-pelajar kelas pendidikan khas di mana kaedah pengasingan perlu dilaksanakan bagi memastikan keperluan pelajar disleksia dapat dipenuhi. Kelas khas bagi pelajar disleksia harus dilaksanakan di peringkat sekolah menengah kerana masih terdapat kes pelajar yang tidak mempunyai kemahiran literasi walaupun sudah berada di sekolah menengah. Pihak-pihak berwajib yang mungkin mendapat manfaat dari kajian ini, antaranya ialah Kementerian Pelajaran Malaysia dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO).

Pelbagai program dan seminar boleh dilaksanakan berkenaan disleksia bagi membantu untuk meningkatkan kesedaran di peringkat awal terutamanya pihak ibu bapa dan guru bagi membantu mengesan pelajar yang mengalami masalah pembelajaran ini, seterusnya dapat mengatasi masalah ini dengan mendapatkan bantuan melalui pihak yang lebih arif tentang masalah ini contohnya Persatuan Disleksia Malaysia.

## **KAJIAN LITERATUR**

### **1. Disleksia**

Menurut Presiden Persatuan Disleksia Wilayah Persekutuan, Sariah Amirin perkataan “Disleksia” merupakan perkataan yang berasal daripada Yunani yang membawa maksud “kesukaran terhadap perkataan”. Disleksia juga merupakan kesukaran pembelajaran yang spesifik iaitu berbeza daripada kelewatan perkembangan menyeluruh. Malah, kanak-kanak disleksia sukar menguasai kemahiran membaca dan menulis, tetapi memiliki bakat,

kepintaran, atau kecerdasan yang lain. Hal ini adalah disebabkan oleh perbezaan otak seseorang individu memproses maklumat khususnya berkenaan dengan bunyi, simbol dan makna. Orang disleksia lazimnya cenderung menggunakan otak kanan yang mana cara berfikir dan belajar mereka adalah berlainan, berbakat kreatif atau seni serta lemah dalam kemahiran bahasa, logik, turutan dan struktur

Perkataan ‘Disleksia’ merupakan pinjaman daripada kata Inggeris iaitu ‘Dyslexia’. Dalam bahasa Latin, ‘dys’ bermaksud teruk atau susah manakala ‘lexia’ bermakna perkataan. Oleh hal itu, melalui penafsiran daripada makna kedua-dua suku kata tersebut dapatlah diketahui bahawa disleksia merupakan satu masalah membaca atau kesukaran untuk memproses perkataan (Kuwana, 2009).

Individu pertama yang menemukan tentang masalah ini ialah Dr. W. Pringle Morgan dari England. Bailet (2006) pula mengaitkan masalah disleksia sebagai masalah pembelajaran. Pesakit akan menghadapi masalah dalam memproses perkataan dan nombor. Pendapat ini telah disokong oleh seorang pakar perubatan dan “ophalomatologist” melalui sumber [http://www.slideshare.net/Ukhuwah\\_90/model-disleksia](http://www.slideshare.net/Ukhuwah_90/model-disleksia) Beliau berpendapat “Disleksia” ialah satu kecelaruan dalaman kanak-kanak yang telah menerima pendidikan biasa, tetapi tidak memperolehi kemahiran bahasa, bacaan, menulis dan ejaan yang setaraf intelek. Masalah ini boleh berlanjutan sehingga kanak-kanak itu dewasa dan biasanya masalah ini dialami oleh kanak-kanak. Sebenarnya masalah ini bukanlah satu bentuk kecacatan atau penyakit dan keadaan ini tidak memerlukan ubat untuk mengubatnya, sebaliknya dengan program pendidikan yang sesuai masalah ini dapat dikurangkan.

## **2. Kemahiran literasi**

Menurut Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat, literasi membawa maksud kebolehan untuk membaca, menulis dan mengira. Menurut Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan PBB (UNESCO), literasi ialah keupayaan untuk mengenal pasti, memahami, mentafsir, mencipta, menyampaikan, mengira dan menggunakan bahan cetak dan bertulis yang berkenaan dengan pelbagai konteks. Dalam konteks yang lebih tepat, literasi bermaksud kemampuan membaca dan menulis pada tahap yang memadai untuk berkomunikasi atau

tahap yang membolehkan seseorang memahami dan meluahkan pandangan dalam masyarakat yang celik huruf agar dapat bergaul dalam kalangan masyarakat. (<http://www.scribd.com/doc/37957921/Konsep-literasi-bahasa>)

### **3. Faktor-Faktor Penyebab Disleksia**

Zainal dan Suhaila (2010) telah mengenal pasti beberapa faktor yang menjadi penyebab disleksia dalam kalangan kanak-kanak antaranya, keturunan, pemakanan, bawaan dan perkembangan.

#### **3.1 Keturunan (biologi)**

Masalah disleksia telah sedia ada dalam gen keluarga kanak-kanak disleksia. Hal ini telah dibuktikan oleh Hallgren (1970) yang membuat kajian ke atas 12 kes pasangan kembar monozygote dan mendapati kesemua keluarga 12 kes tersebut menghadapi masalah dalam bacaan dan ejaan semasa zaman kanak-kanak. Hallgren mendapati bahawa masalah disleksia banyak dihadapi oleh kanak-kanak lelaki berbanding kanak-kanak perempuan dengan kadar 3 : 1 atau 2 : 1. Menurut beliau, hal ini disebabkan oleh orang lelaki lebih banyak memikul tanggungjawab berbanding orang perempuan. Satu kajian lain telah dijalankan oleh Rohaty dan Shafie pada tahun 2005 telah menyokong dapatan kajian yang dilaksanakan oleh Hammond dan Hughes (1999) dan Hussain Iman dan Muhd Ismail (1998), mereka mendapati bahawa pelajar lelaki sangat berisiko terhadap simptom disleksia berbanding pelajar perempuan. Hal ini kerana, berdasarkan kajian perbezaan dalam perkembangan sistem saraf manusia mendapati kanak-kanak lelaki lambat matang berbanding kanak-kanak perempuan. Kelewatan tempoh matang inilah yang memungkinkan faktor utama disleksia.

#### **3.2 Pemakanan**

Berdasarkan beberapa penyelidikan, kajian, dan penemuan, terdapat beberapa unsur penyedap makanan, bahan awet dan pewarna tiruan yang dipercayai serta dikenal pasti boleh mengganggu otak jika diambil secara berlebihan dalam tempoh yang lama. Gangguan terhadap otak ini terjadi bukan melalui reaksi imunologi, tetapi kesan bahan pencemar atau racun yang terkandung dalam bahan-bahan makanan. Antaranya ialah Salicylates, tartazine (zat pewarna makanan), nitrat, monosodium glutamate (MSG) dan

seumpamanya. Oleh itu, para pengkaji berpendapat bahawa bahan pencemar dalam makanan ini dipercayai menjadi penyebab disleksia.

### **3.3 Bawaan**

Masalah pendengaran dalam kalangan kanak-kanak boleh berlaku sejak dilahirkan. Dalam tempoh lima tahun pertama selepas dilahirkan, seseorang kanak-kanak yang sering mengalami selsema dan jangkitan kuman pada bahagian tenggorok, boleh mempengaruhi pendengaran dan perkembangannya dari semasa ke semasa hingga boleh menyebabkan kecacatan. Keadaan ini hanya dapat dipastikan melalui pemeriksaan intensif yang terperinci daripada doktor pakar. Masalah pendengaran yang dihadapi sejak dilahirkan akan menyebabkan otak yang sedang berkembang akan sukar menghubungkan bunyi atau suara yang didengar dengan huruf atau kata yang dilihatnya. Padahal, perkembangan pendengaran berkait rapat dengan perkembangan kemampuan bahasa yang akhirnya menimbulkan masalah jangka panjang, terutama jika disleksia ini tidak ditangani dengan segera khususnya daripada doktor pakar.

### **3.4 Perkembangan**

Disleksia berlaku secara perkembangan atau pembinaan, iaitu berkembang sedikit demi sedikit. Terdapat bahagian-bahagian tertentu dalam otak tidak berapa matang atau dengan kata lain pertambahannya tidak seimbang lalu menyebabkan bahagian otak yang mengawal bacaan dan ejaan tidak dapat berfungsi dengan sepenuhnya. Apabila berlakunya kecelaruan dalam dua hemisfera cerebral maka akan berlaku kesukaran untuk menguasai kemahiran bacaan dan ejaan. Pada kebiasaannya hemisfera kiri yang menguasai bacaan. Oleh sebab hemisfera ini lemah, maka terjadilah keterbalikan huruf dan perkataan yang dialami oleh kanak-kanak disleksia.

## **4. Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Kanak-Kanak Disleksia**

Kaedah-kaedah umum yang biasanya digunakan dalam pengajaran kanak-kanak disleksia sebenarnya terdapat lapan kaedah. Kaedah-kaedah ini amat bersesuaian untuk diaplikasikan

terhadap murid-murid disleksia yang menghadapi kesukaran dalam pembelajaran. Antara kaedah-kaedah yang digunakan ialah kaedah VAK, kaedah VAKT, kaedah pandang dan sebut, kaedah Fernald, kaedah Gillingham, kaedah fonik, kaedah abjad dan kaedah gabungan bahasa.

#### **4.1 Kaedah fonik**

Kaedah ini menekankan kepada hubungan bunyi-bunyi dengan huruf-hurufnya. Kaedah bunyi sesuai digunakan kerana susuk Bahasa Melayu yang terdiri daripada suku kata yang tetap bunyinya. Menurut kaedah fonik, hanya bunyi huruf yang diperkenalkan terlebih dahulu dan diikuti dengan membunyikan suku kata dan seterusnya membunyikan perkataan. Dalam bidang fonetik, huruf tidak dieja tetapi terus dibunyikan sebagai [ a ], dan begitulah bagi huruf-huruf dan suku kata yang lain. Sebagai contoh, ba + ta terus disebut sebagai [ ba ] + [ ta ] dan seterusnya disebut sebagai [ bata ].

#### **4.2 Kaedah VAK**

Kaedah VAK ini menggabungkan deria penglihatan dan pendengaran dengan tulisan (kinestetik atau pergerakan). Dalam kaedah ini, murid melihat dan menyebut perkataan sambil menulis perkataan itu berdasarkan ingatannya. Malah, terdapat beberapa prosedur pengajaran dalam kaedah ini. Antaranya ialah murid akan memerhati perkataan yang hendak dipelajari. Kemudian, murid mencuba untuk menyebut perkataan itu. Setelah itu, murid diminta untuk menulis perkataan itu berdasarkan ingatannya. Selepas itu, murid akan membandingkan hasil tulisannya dengan perkataan asal yang diperhatikan sebentar tadi. Dalam hal ini, guru akan sentiasa mengulang kaedah VAK ini supaya murid dapat menulis perkataan dengan betul.

#### **4.3 Kaedah terapi minda**

Kaedah ini merupakan kaedah yang dicipta sendiri oleh guru. Tambahan pula, kaedah ini lebih kepada penggunaan peralatan seperti *treadmill* yang disediakan di dalam kelas. Dalam kaedah ini, guru akan membawa murid untuk menggunakan peralatan tersebut. Murid dikehendaki untuk berdiri di atas *treadmill*. Kemudian, murid akan berlari di atas *treadmill* itu selama 5 hingga 10 minit. Kaedah ini digunakan apabila guru mendapati



murid sudah berasa bosan semasa sesi pembelajaran. Sehubungan itu, kaedah ini dapat membantu guru menggerakkan kemahiran psikomotor murid - murid. Di samping itu, kaedah ini bertujuan supaya murid dapat meningkatkan kecerdasan otak dan kecergasan tubuh badan. Secara tidak langsung, murid dapat menjalankan sesi pembelajaran dengan lebih baik dan efektif. Malah, murid juga dapat mengikuti pengajaran yang disampaikan oleh guru.

#### **4.4 Kaedah cermin**

Dalam kaedah ini, sudah semestinya peralatan yang digunakan ialah cermin. Kaedah ini sangat membantu guru dalam sesi pembelajaran. Kaedah ini memerlukan murid untuk berdiri di hadapan cermin. Kemudian, guru akan menyebut huruf, suku kata ataupun perkataan kepada murid. Oleh itu, murid dikehendaki mengulang semula apa yang telah disebut oleh guru sambil memandang cermin. Sementara murid menyebut perkataan tersebut, guru akan memerhati dan mendengar sebutan yang dilontarkan oleh murid sama ada betul ataupun tidak. Dalam masa yang sama, guru akan melihat pergerakan bibir murid sendiri. Keadaan ini bertujuan supaya murid belajar untuk menyebut huruf, suku kata ataupun perkataan dengan cara yang betul. Sekiranya murid tersilap, guru akan menunjukkan cara menyebut yang betul kepada murid sambil menghadap cermin.

#### **4.5 Kaedah Kinestetik**

Kaedah ini akan melibatkan pergerakan murid. Guru haruslah bijak menggunakan kaedah yang bersesuaian dengan murid. Sekiranya murid sudah bosan maka guru boleh gunakan kaedah ini. Antara contoh bagi kaedah kinestetik ialah melukis, menampal, menggantung dan sebagainya. Menerusi kaedah ini, murid dapat mempelajari pelbagai kemahiran dan tidaklah terhad pada teks sahaja. Di samping itu, guru dapat meningkatkan daya kreativiti murid untuk menghasilkan sesuatu yang baru terutamanya apabila diminta untuk melukis sesuatu objek.

### **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini telah dilakukan di sebuah Sekolah Menengah Kebangsaan di daerah Jeli. Pengkaji memperolehi maklumat berdasarkan kaedah soal-selidik menggunakan borang soal-selidik

dan temuduga tidak formal dengan warga pendidik di kelas pendidikan khas. Bilangan sebenar guru pendidikan khas di sekolah itu ialah lapan orang, namun hanya lima orang guru sahaja yang terlibat sebagai sample kajian. Hasil jawapan pada borang soal-selidik dianalisis dan hasil daripada temuduga dicatat bagi menyokong keterangan yang telah diberikan. Analisis dapatan dilakukan secara manual dan kualitatif.

## HASIL KAJIAN

### 1. Profil Demografi

Kajian ini meliputi responden seramai lima orang. Daripada jumlah tersebut, 3 orang (60%) ialah perempuan dan 2 orang (40%) ialah lelaki. Majoriti responden (80%) dalam kajian ini berumur dalam lingkungan 30 hingga 40 tahun. Hanya seorang responden (20%) yang berumur lebih daripada 40 tahun. Kesemua responden (100%) memiliki kelayakan tertinggi ijazah sarjana muda namun hanya seorang responden (20%) yang memliliki pengkhususan dalam bidang pendidikan khas. Majoriti responden telah berkhidmat dalam bidang pendidikan khas melebihi 5 tahun, namun hanya seorang responden (20%) yang pernah mengikuti kursus yang dijalankan mengenai disleksia. Butiran lanjut dapat dilihat pada demografi guru yang terlibat dapat dibentangkan seperti di dalam jadual 1.

<b>Guru</b>	<b>1</b>	<b>2</b>	<b>3</b>	<b>4</b>	<b>5</b>
<b>Jantina</b>	P	L	P	P	L
<b>Umur</b>	47	39	40	33	30
<b>Kelulusan Akademik</b>	Ijazah Sarjana Muda	Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Khas	Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Bahasa Melayu	Ijazah Sarjana Muda Perakaunan	Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Matematik

<b>Pengalaman Mengajar sebagai Guru Pendidikan Khas</b>	13	15	Tidak dinyatakan	7	5
<b>Pernah Mengikuti Kursus tentang Disleksia</b>	Tidak	Ya	Tidak	Tidak	Tidak

Jadual 1: Profil Demografi

## 2. Kefahaman responden mengenai Disleksia dan ciri-ciri pelajar Disleksia

Dua daripada responden (G1 dan G2) menyatakan bahawa disleksia ialah istilah yang digunakan bagi pelajar yang mempunyai masalah persepsi dalam otak yang menyebabkan kesukaran membaca dan menulis bahasa dan pelajar berkenaan memiliki tahap IQ yang lemah. G3 dan G4 menyatakan bahawa disleksia berlaku kepada pelajar yang mempunyai kesukaran dalam kemahiran membaca, menulis dan mengeja. G5 pula menyatakan bahawa pelajar disleksia ialah pelajar pendidikan khas. Majoriti responden berpendapat bahawa pelajar disleksia ialah pelajar yang ‘menulis huruf secara terbalik’, ‘sering bertukar huruf atau nombor yang hampir sama’ dan ‘tidak dapat membezakan bunyi atau huruf yang sama’.

## 3. Pengalaman mengajar pelajar disleksia

Majoriti responden (80%) tidak mempunyai pengalaman mengajar pelajar disleksia. Hanya seorang responden yang pernah mengajar pelajar disleksia.

## 4. Kaedah yang digunakan bagi mengajar pelajar disleksia.

Majoriti responden (80%) tidak menyatakan kaedah yang digunakan untuk mengajar pelajar disleksik kerana tidak pernah mengikuti kursus mengenai kaedah pengajaran yang berkesan bagi membantu golongan ini. Hanya seorang responden, G2, yang menyatakan bahawa beliau mengaplikasikan membunyikan suku kata (kaedah fonik) dan melatih pelajar untuk melihat mendengar dan menulis ayat yang dipelajari (kaedah VAK). Beliau juga menjelaskan bahawa

sekiranya pelajar disleksia masih tidak dapat menguasai kemahiran yang diajar, guru akan memberi fokus kepada bidang yang diminati oleh pelajar disleksia itu.

## **PERBINCANGAN DAN CADANGAN**

Sepanjang perbincangan bersama guru-guru mengenai kaedah pengajaran dan pemahaman terhadap disleksia, pengkaji dapat membuat beberapa kesimpulan dan mengemukakan beberapa cadangan untuk menghadapi permasalahan disleksia, antaranya ialah:

### **1. Pengetahuan tentang disleksia**

Berdasarkan kajian, dapat disimpulkan bahawa responden tidak mengetahui mengenai masalah pembelajaran spesifik ini dengan kadar yang mendalam. Ini kerana, responden hanya berjaya menyatakan definisi dan ciri-ciri pada tahap yang minimum. Contohnya, G5 tidak mengetahui maksud sebenar istilah disleksia dan hanya menyatakan bahawa ia merupakan pelajar yang berada di kelas pendidikan khas. Responden juga berpendapat bahawa pelajar disleksia mempunyai tahap IQ yang lemah. Hal ini bercanggah dengan apa yang telah berjaya dibuktikan dalam sebuah artikel ditulis oleh Veiru (2011) dimana satu kajian saintifik yang telah dijalankan oleh Massachusetts Institute of Technology yang mendapati bahawa tiada perkaitan di antara masalah pembelajaran spesifik ini dengan tahap IQ pelajar. Kajian ini dapat disokong dengan satu lagi artikel yang ditulis oleh Patterson (2011) dimana pelajar disleksia yang mempunyai tahap kepintaran yang tinggi masih lagi mempunyai masalah dalam membaca. Justeru, para guru pendidikan khas perlu didedahkan dengan pengetahuan yang mendalam tentang disleksia agar mereka dapat membantu pelajar-pelajar yang menghadapi masalah ini dalam pembelajaran. Bukan itu sahaja, guru-guru di sekolah aliran biasa juga perlu didedahkan tentang sindrom kecelaruan ini juga bagi mengelakkan mereka daripada mengabaikan golongan pelajar ini yang dianggap sebagai pelajar lembab atau bodoh.

## **2. Klasifikasi mengikut kelainan upaya**

Menurut pemerhatian yang dijalankan oleh pengkaji, bilik darjah yang digunakan bagi pelajar-pelajar pendidikan khas adalah tidak mengikut kelainan upaya yang dimiliki. Ini kerana pengkaji difahamkan bahawa pelajar disleksia juga ditempatkan bersama pelajar-kelainan upaya yang lain. Hal ini kerana, disleksia ialah sejenis masalah pembelajaran dan bukannya satu kecacatan kekal pada mental pelajar. Oleh itu, pihak yang bertanggungjawab seperti sekolah pendidikan khas perlu mewujudkan kelas yang berlainan iaitu khas bagi pelajar disleksia dan kelainan upaya yang lain.

## **3. Lokasi dan keadaan kelas**

Berdasarkan tinjauan pada lokasi kelas pendidikan khas, pengkaji berpendapat bahawa kelas ini berada pada kedudukan yang terpinggir atau terceruk. Pelajar-pelajar yang berada di dalam kelas ini tidak bercampur dan berkomunikasi dengan para pelajar normal yang lain. Pada kebiasaannya, hanya guru pendidikan khas sahaja yang akan melayan dan membantu para pelajar ini. Selain itu, kelas pendidikan khas ini tidak dilengkapi dengan kemudahan bagi tujuan pembelajaran dan pengajaran. Pengkaji berpendapat bahawa kelas bagi pelajar ini perlu dilengkapi dengan alat bantuan mengajar seperti komputer, skrin layar, LCD pemancar dan pembesar suara bagi merangsang deria pelajar seterusnya menarik minat untuk belajar .

## **4. Peruntukan**

Melalui kajian temubual dan borang soal selidik, pengkaji dapat membuat kesimpulan bahawa peruntukan dana dan alat-alat bantu mengajar kurang disediakan untuk tujuan mengajar pelajar disleksia di semua sekolah-sekolah pendidikan khas.

## **KESIMPULAN**

Kesimpulannya, disleksia bukanlah satu penyakit tetapi ia hanya merupakan satu kecelaruan yang berlaku bukan sahaja kepada kanak-kanak di peringkat awal pendidikan malah masalah ini turut berlaku di peringkat menengah. Masalah ini dapat diatasi dan dipulihkan sekiranya mereka dibimbing oleh para guru yang terlatih dalam pendidikan disleksia. Pendapat yang mengatakan bahawa pelajar disleksia tidak mampu untuk dipulihkan dan tanggapan

golongan tersebut merupakan golongan yang lembab haruslah dielakkan. Hal ini demikian, kerana telah wujud bukti yang sedia ada bahawa golongan disleksia telah berjaya dalam bidang yang diceburi oleh mereka. Justeru, pelajar disleksia harus diberi bantuan dengan kadar yang segera oleh pelbagai pihak agar mereka mampu untuk menonjolkan diri dan bakat serta mampu untuk bersaing dengan individu normal yang lain.

## **RUJUKAN**

- [1] Disleksia. (n.d.). In Wikipedia. Retrived on May 7, 2013, <http://ms.wikipedia.org/wiki/Disleksia>
- [2]Disleksia. (2013). In Docstoc. Retrived on May 7, 2013, <http://www.docstoc.com/docs/150169488/laporan>
- [3]Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM). (2008). Profail Statistik 2008. Kuala Lumpur: Jabatan Kebajikan Masyarakat.
- [4]Konsep Literasi. (2010). In Scribd. Retrived on May 7, 2013, <http://www.scribd.com/doc/37957921/Konsep-literasi-bahasa>
- [5]Model Disleksia. (2012). In Slideshare. Retrived on May 7, 2013, [http://www.slideshare.net/Ukhuwah\\_90/model-disleksia](http://www.slideshare.net/Ukhuwah_90/model-disleksia)
- [6]Nur, Syarifah. (2011). In Scribd. Retrived May 7, 2013, <http://www.scribd.com/doc/47076659/LAPORAN>
- [7]Patterson, M. (2011). The Paradox of Dyslexia: Slow Reading Fast Thinking. Yale Scientific Magazine. <http://www.yalescientific.org/2011/04/the-paradox-of-dyslexia-slow-reading-fast-thinking/>
- [8]Rohaty Mohd Majzub, Shafie Mohd Nor. (2005). Jurnal Pendidikan (30). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- [9]Vieru, T. (2011). IQ level has no influence of Dyslexia. Retrieved May 12, 2013 <http://news.softpedia.com/news/IQ-Level-Has-No-Influence-of-Dyslexia-223293.shtml>
- [10]Zainal Kassin, Suhaila Abdullah. (2010). Pendidikan Disleksia. Puchong : Penerbit Multimedia